

SOALAN NO: 120

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD

SOALAN:

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendekatan yang diambil bagi menyelaraskan gaji pekerja mahir warga tempatan dan warga asing.

PR-1341-T72487

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia berpandangan bahawa gaji bagi pekerja dalam kategori mahir iaitu golongan ekspatriat tidak ada keperluan untuk diselaraskan di antara pekerja tempatan dan pekerja asing. Ini berikutan, faktor penentuan gaji golongan ini adalah bergantung kepada kelayakan, kepakaran dan pengalaman seseorang individu, kontrak perkhidmatan yang dipersetujui di antara majikan dan pekerja serta kuasa pasaran (*market forces*).

2. Namun begitu, untuk pekerja dalam kategori pekerjaan am, Kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Gaji Minimum 2012 yang meliputi semua pekerja termasuk pekerja asing kecuali pekhidmat domestik dan perantis, di mana kadar gaji minimum yang ditetapkan adalah RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan. Sementara itu, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, kadar gaji minimum ini akan dinaikkan kepada RM1,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan bajet 2016.

SOALAN NO. 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-4 (2016), PARLIMEN KE-13**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN : 121**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah komprehensif yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan pelaksanaan undang-undang yang sedia ada wujud bagi menangani penyalahgunaan dalam media sosial dan mengawal selia segala yang berlaku dalam dunia siber.

**JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Bagi memperkukuhkan mekanisme kawalselia Internet dan media baru, Kerajaan telah menubuhkan satu **Jawatankuasa Khas Membanteras Penyalahgunaan Media Sosial** yang dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Jabatan Peguam Negara (AGC).